



INNOCENCE OF MUSLIMS & KARIKATUR NABI MUHAMMAD (S.A.W.)

Deklarasi Dari Mesyuarat Penyelaras Tahunan Para Menteri Hal Ehwal Luar Negara Anggota OIC Dalam Mengutuk Tindakan Biadab Siaran Video Fitnah "Innocence Of Muslims" Dan Penyiaran Karikatur Yang Mempersendakan Nabi Muhammad (S.A.W.)

Ibupejabat Pertubuhan Bangsa Bersatu, New York, 28 September 2012



Pertubuhan Kerjasama Islam

Kami, Para Menteri Hal Ehwal Luar Negara dan Ketua Delegasi Negara Anggota Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), menyertai Mesyuarat Penyelaras Tahunan Para Menteri Hal Ehwal Luar OIC, yang diadakan di New York pada 28 September 2012, mengisytiharkan yang berikut:

Kami memerhatikan dengan penuh kebimbangan terhadap sikap tidak bertoleransi, diskriminasi, profil, stereotip negatif, stigma, kebencian agama dan keganasan terhadap muslim, di samping merendahkan agama, Nabi (S.A.W.), kitab suci dan simbol mereka yang berlaku secara berterusan di pelbagai sudut dunia, yang bercanggah dengan norma hak asasi manusia antarabangsa dan prinsip kebebasan beragama.


Di dalam konteks ini, kami membantah sekeras-kerasnya perbuatan terkutuk penyiaran video fitnah "Innocence of Muslims" dan penyiaran karikatur yang mempersendakan Nabi Muhammad (S.A.W.) baru-baru ini, termasuklah material lain di bawah agenda kebebasan bersuara. Perbuatan berbentuk Islamofobia ini amat bertentangan dengan kebebasan beragama dan kepercayaan yang dijamin oleh instrumen hak asasi manusia peringkat antarabangsa, dan perbuatan ini juga telah menghina berbilion umat Islam di seluruh dunia termasuk manusia yang mempunyai kesedaran.

Kami amat mengalu-alukan pernyataan yang dibuat oleh Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) dan Setiausaha Agung OIC termasuk para pemimpin dunia yang lain mengutuk perbuatan biadab yang menghina agama ini sebagai prejudis, sikap amat tidak bertoleransi dan penghinaan yang bertujuan memecahbelahkan manusia dan masyarakat.

Kami mengiktiraf kepentingan kebebasan bersuara, tetapi pada masa yang sama menekankan keperluan kebebasan ini untuk dipaktiskan secara bertanggungjawab dan menurut undang-undang dan instrumen hak asasi manusia antarabangsa. Seterusnya, kami mengutuk sebarang bentuk sokongan terhadap

kebencian agama yang menggalakkan diskriminasi, layanan buruk atau keganasan, sama ada berbentuk cetakan, audio-visual atau media elektronik atau sebarang bentuk lain.

Disamping memperingati semua resolusi OIC berkaitan dengan penentangan terhadap Islamofobia dan penghapusan kebencian dan prejudis terhadap Islam, fitnah terhadap agama dan resolusi penting 16/18 Suruhanjaya Hak Asasi Manusia berkaitan "Penentangan Terhadap Sikap Tidak Bertoleransi, Stereotip Negatif dan Stigmatisasi, serta Diskriminasi, Galakan terhadap Keganasan dan Keganasan terhadap Individu atas dasar Agama atau Kepercayaan", kami mendesak semua kerajaan, selari dengan tanggungjawab mereka di bawah undang-undang hak asasi manusia antarabangsa, untuk mengambil sebarang tindakan termasuk berbentuk perundangan terhadap perbuatan-perbuatan yang menggalakkan kebencian, diskriminasi dan keganasan terhadap sebarang pihak disebabkan oleh agama yang dianuti.



Kami juga mengakui bahawa semua tamadun berkongsi dan memiliki asas nilai kemanusiaan dan bahawa perbezaan budaya dan agama dan proses pembangunan sosio-budaya oleh seluruh manusia dan bangsa menjadi sumber perkongsian dalam memperbaiki kehidupan sosio-budaya manusia sejagat. Seterusnya kami mengakui bahawa debat idea secara terbuka, termasuk dialog antara agama dan budaya, peringkat dalaman, nasional dan antarabangsa, merupakan perlindungan terbaik daripada sikap tidak bertoleransi terhadap agama, dan mampu memainkan peranan positif dalam menangani kebencian agama.

Di dalam konteks ini, kami menekankan kepentingan mempromosikan dialog, persefahaman dan kerjasama antara agama, budaya dan tamadun demi keamanan dan keharmonian sejagat dan kami mengalu-alukan semua inisiatif dan usaha samada berbentuk antarabangsa atau dalaman.

Kami juga mengalu-alukan sebarang usaha oleh media bagi

mempromosikan dialog antara penganut agama dan budaya dan menggalakkan mereka untuk menyiar imej sebenar agama dan kepercayaan hingga ke akar umbi dengan menekankan prinsip asas keamanan dan toleransi mereka termasuklah perbincangan umum yang seimbang dan penuh toleransi.

Kami menyeru seluruh dunia untuk sedar akan bahaya akibat daripada galakan terhadap kebencian agama, diskriminasi dan keganasan ke atas keamanan dan keselamatan dunia dan menggesa semua Negara Ahli untuk menggunakan pengaruh masing-masing bagi membangunkan satu sistem pendidikan yang mengandungi nilai asas hak asasi manusia seperti toleransi terhadap perbezaan agama dan budaya, yang amat penting bagi membina masyarakat pelbagai budaya yang bertoleransi, aman dan harmoni; Kami memohon Setiausaha Agung agar memantau dan mengambil tindakan yang sesuai bagi menghalang sebarang bentuk tindakan tidak berasas dan disengajakan yang menjurus ke arah kebencian, diskriminasi dan keganasan terhadap sebarang pihak atas dasar agama mereka.

Sumber: www.oic-oci.org/english/conf/fm/acm2012/acm_2012_dec_en.pdf
Muat Turun: www.jawi.gov.my/innocence.pdf
Pemerhati: www.oic-oci.org/page_detail.asp?p_id=182
Lapor Islamophobia: abdmanafi@oic-oci.org / +96626515222 Ext: 1714

Terbitan Bersama :



إدارة كمال أوز اسلام مليسيا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA



إدارة اقسام اسلام ولاية كرسكويتوان
JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

NEGARA ANGGOTA Pertubuhan Kerjasama Islam
40 Tahun Perpaduan



INNOCENCE OF MUSLIMS & CARICATURES OF PROPHET MUHAMMAD (PBUH)

Declaration by the Annual Coordination Meeting of Minister of Foreign Affairs of OIC Member States to condemn the sacrilegious acts of release of defamatory video "Innocence of Muslims" and publication of offensive caricatures of Prophet Muhammad (PBUH).

United Nations Headquarters, New York, 28 September 2012



Organization of Islamic Cooperation

We, the Ministers of Foreign Affairs and Heads of Delegation of the Member States of the Organization of the Islamic Cooperation, participating at the Annual Coordination Meeting of the OIC Foreign Ministers, held in New York on 28 September 2012, declare the following:

We have noted with deep concern the continuing instances of intolerance, discrimination, profiling, negative stereotyping, stigmatization, religious hatred and violence against Muslims as well as denigration of their religion, Prophet (PBUH), Holy book and symbols occurring in many parts of the world, which contradict the international human rights norms as well as the principle of freedom of religions.


In this context, we deplore the recent despicable acts of the release of slanderous video "Innocence of Muslims" and publication of offensive caricatures of Prophet Mohammad (PBUH), as well as other hate material under the pretext of freedom of expression. These Islamophobic acts stand in violation of the freedom of religion and belief, guaranteed by international Human Rights instruments, and have deeply offended more than a billion Muslims as well as all peoples of conscience around the world.

We welcome the statements by the Secretaries General of United Nations and OIC as well as by other world leaders denouncing those sacrilegious acts as bigotry, extreme intolerance and an affront to human dignity aimed at dividing peoples and societies.

We acknowledge the importance of freedom of expression, but at the same time stress the need to ensure that this freedom should be exercised by all with responsibility and in accordance with the relevant international human rights laws

and instruments. We further condemn any advocacy of religious hatred that constitutes incitement to discrimination, hostility or violence, whether it involves the use of print, audio-visual or electronic media or any other means.

While recalling all relevant OIC resolutions on combating Islamophobia and Eliminating hatred and prejudice against Islam, defamation of religions and the landmark Human Rights Council resolution 16/18 on "Combating Intolerance, Negative Stereotyping and Stigmatization of, and Discrimination, Incitement to Violence and Violence Against, Persons Based on Religion or Belief", we urge all Governments, in line with their obligations under international human rights law, to take all appropriate measures including necessary legislation against these acts that lead to incitement to hatred, discrimination and violence against persons based on their religion.



We also recognize that all civilizations share and possess basic human values and that cultural and religious diversity and the pursuit of socio-cultural development by all peoples and nations are a source of mutual enrichment for the socio-cultural life of humankind. We further acknowledge that the open public debate of ideas, as well as interfaith and intercultural dialogue at the local, national and international levels can be among the best protections against religious intolerance, and can play a positive role in combating religious hatred.

In this context we reiterate the importance of promoting dialogue, understanding and cooperation among religions, cultures and civilizations for peace and harmony in the world and welcome in this regard all international and regional initiatives and efforts.

We also welcome the efforts made by the media to promote interreligious and intercultural dialogue and encourages them further to disseminate to the grass roots the true image of religions and faiths focusing on their basic tenets of peace and tolerance as well as on the moderate and tolerant discourse of the mainstream;

We call for a global awareness about the dangerous implications of incitement to religious hatred, discrimination and violence on international peace and security and urge all Member States to exert renewed efforts towards developing an education system that includes basic human rights values such as tolerance for religious and cultural diversity that is fundamental to promoting tolerant, peaceful and harmonious multicultural societies; We request the Secretary General to continue to monitor and take appropriate actions to prevent such acts of unfounded and willful incitement to hatred, discrimination and violence against persons based on their religions.

Source: www.oic-oci.org/english/conf/fm/acm2012/acm_2012_dec_en.pdf
Download: www.jawi.gov.my/innocence.pdf
Observatory: http://www.oic-oci.org/page_detail.asp?p_id=182
Report Islamophobia: abdmanafi@oic-oci.org / +96626515222 Ext: 1714

Copublished By :



إدارة كمال أوز اسلام مليسيا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA



إدارة اقسام اسلام ولاية كرسكويتوان
JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

MEMBER STATES Organization of Islamic Cooperation
40 Years of Solidarity

